



**SIARAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **BORNEO ARTS FESTIVAL 2016**

**LABUAN, 16 September 2016** – Perbadanan Labuan melalui Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian bakal menganjurkan Borneo Arts Festival 2016 pada 16 September hingga 18 September 2016 bertempat di Arena Boling Padang WP Labuan. Penganjuran kali ke-4 ini bakal menampilkan sedikit kelainan dengan 4 acara utama yang dipertandingkan iaitu:

- i. Pertandingan Tarian
  - a. Pertandingan Tarian Kreatif Malaysia (12 tahun ke bawah)
  - b. Pertandingan Tarian Kreatif Malaysia (Terbuka)
- ii. Pertandingan Rekaan Fesyen dengan tema 'The Mystical of Borneo'
- iii. Pertandingan Bermukun 4 Sekumpulan
- iv. Pertandingan Gambus Fusion Borneo.

Dijangkakan seramai 20,000 pengunjung bakal turut memeriahkan festival tersebut yang akan berlangsung selama 3 hari. Pada tahun ini Borneo Arts Festival telah berjaya menarik lebih banyak penyertaan bukan sahaja dari Labuan, Sabah dan Sarawak malah turut menerima banyak penyertaan dari semenanjung Malaysia seperti Selangor dan Kuala Lumpur serta negara Brunei Darussalam menerusi acara tarian dan bermukun 4 sekumpulan.

Melalui festival ini, para pengunjung berpeluang mendekati diri dan mempelajari seni budaya yang terdapat di negara ini terutamanya di Borneo. Terdapat juga gerai-gerai jualan dan pameran produk tempatan yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti Kementerian Pelancongan & Kebudayaan WP Labuan, Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara Sabah, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Sabah dan juga Kolej Cosmopoint Sabah.

Para pengunjung juga bakal dihiburkan dengan persembahan istimewa artis Khai Bahar yang sedang meningkat naik melalui media sosial dan Kevin Larius, artis beatbox dari Sabah.

### **LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA**

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)  
Pusat Penerangan Pelancongan Labuan

Lot 4260, Jalan Dewan/Berjaya, 87007, Wilayah Persekutuan Labuan  
Tel: +6087 423445; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>

[www.facebook.com/friendofmalaysia](http://www.facebook.com/friendofmalaysia); [twitter.com/tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); [blog.tourism.gov.my](http://blog.tourism.gov.my)

Sebarang maklumat lanjut, bolehlah menghubungi **Puan Zunaidah Hamzah, Penolong Pengarah Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan** di talian 087-408 740 atau emel [zunaidah.hamzah@pl.gov.my](mailto:zunaidah.hamzah@pl.gov.my).

**TAMAT**

Disediakan untuk Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan oleh:

Nor Hidayah Mohd Nor  
Pengurus  
Pusat Penerangan Pelancongan Labuan, Tourism Malaysia  
Emel: [norhidayah@tourism.gov.my](mailto:norhidayah@tourism.gov.my)

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA**

(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA)

Pusat Penerangan Pelancongan Labuan

Lot 4260, Jalan Dewan/Berjaya, 87007, Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: +6087 423445; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>

[www.facebook.com/friendofmalaysia](http://www.facebook.com/friendofmalaysia); [twitter.com/tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); [blog.tourism.gov.my](http://blog.tourism.gov.my)